

# Pembangunan tidak jejas

8 SEPTEMBER 2007

Oleh Zainudin Isa

TIOMAN, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memberi jaminan pembangunan di pulau ini tetap mengekalkan keindahan semula jadinya sebagai pulau peranginan tercantik meskipun memiliki status bebascukai.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mahu melaksanakan beberapa projek, seperti pembesaran dan peningkatan prasarana termasuk lapangan terbang di pulau ini, dilakukan tanpa membabitkan tebus guna pantai dan laut.

Ahli Parlimen Rompin,

Datuk Dr Jamaluddin Mohd Jarjis, berkata Dr Mahathir menyatakan perkara itu selepas meninjau sekitar pulau ini dalam lawatan peribadinya selama dua hari, bermula kelmarin.

Beliau berkata, Perdana Menteri cukup prihatin dengan masalah penduduk dan keperluan prasarana pelancongan di pulau ini, yang akan diberi status bebas cukai mulai 1 September ini.

"Apa yang jelas Perdana Menteri menekankan dalam memajukan Tioman, ia tidak sekali-kali menjejaskan keindahannya.

"Justeru, pada awal pe-

rancangan kita, projek lapangan terbang perlu membabitkan tebus guna laut, tapi ini akan memusnahkan batu karang dan hidupan marin.

"Jadi, beliau mahu lapangan sedia ada saja diperbesarkan laluannya bagi membolehkan kapal terbang lebih besar mendarat," katanya ketika ditemui selepas mengiringi Perdana Menteri berlepas pulang ke Kuala Lumpur di Berjaya Beach Resort di sini, hari ini.

Ketika mengadakan lawatan peribadi di sini, Dr Mahathir yang turut diiringi isteri,

Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, belayar dan bermalam dalam kapal peranginan mewah "Lady Halmah" di sekitar pulau ini.

Dr Jamaluddin berkata, Dr Mahathir menyatakan hasratnya untuk menjadikan Tioman sebagai destinasi kapal layar antarabangsa.

Katanya, Perdana Menteri bersetuju menimbangkan pembinaan sebuah marina di Tekek bersama sistem pemecah ombak bagi membolehkan kapal lavar berlabuh dan disimpan dengan selamat.

"Setakat ini di Tioman

## keindahan Tioman

tiada marina seumpamanya yang lengkap dengan kemudahan. Jadi, Dr Mahathir mahu batu yang dipisahkan untuk membesarkan lapangan terbang digunakan sebagai benteng pemecah ombak marina berkenaan," katanya.

Beliau juga mahu sebuah jalan mengelilingi pulau ini juga dibina bagi menghubungkan kampung yang berjauhan seperti Juara, Paya, Mukut dan Genting.

"Apa yang penting, kita amat berbangga dan terharu kerana percutian Perdana Menteri di sini turut membawa idea dan buah

fikiran untuk membangunkan pulau ini.

"Beliau (Dr Mahathir), bila datang sini bukan saja sekadar bercuti tapi mencurah idea serta menjadi arkitek dan planner."

"Dengan ini dapatlah pulau ini berkembang maju sebagai mana kita lihat Langkawi maju kerana idea dan buah fikiran Perdana Menteri sendiri," katanya.

Dr Jamaluddin yang juga Pengerusi Tenaga Nasional (TNB), berkata Dr Siti Hasmah juga menyatakan hasratnya untuk melihat anak penduduk di Tioman memiliki sarjana dan doktor

falsafah (PHD).

"Kita amat terhormat Dr Siti Hasmah menyatakan kebimbangannya mengenai taraf pendidikan penduduk dan anak pulau Tioman. Beliau kata sampai masanya anak di Tioman memiliki sarjana dan PHD seperti penduduk pulau lain," katanya.

Beliau berkata, kerajaan sebenarnya sudah bersetuju memperuntukkan RM58 juta untuk membina kompleks sekolah berasrama, di Tekek.

"Kita juga sedang berbincang dengan pihak berkaitan sementara kompleks

ini siap, kita kemungkinan melihat keperluan semasa, termasuk mengadakan kelas tuisyen untuk pelajar.

"Kita mahu walaupun asas kegiatan ekonomi penduduk di sini ialah dalam sektor pelancongan, mereka mesti berkebolehan untuk mengurus tapi ini memerlukan kualiti pendidikan yang tinggi," katanya.

Dr Jamaluddin juga berkata, pihaknya akan berbincang dengan Lembaga Pembangunan Pulau Tioman (TDA) untuk mempercepat pelaksanaan semua projek yang dicadangkan Dr Mahathir.